

BAB II

TAFSIRAN HARTA SEPENCARIAN

2.1. Harta Sepencarian dalam Statut Bertulis

Harta sepencarian adalah suatu istilah yang dikenal dalam konsep pemilikan harta oleh pasangan suami isteri. Mengikut amalan di rantau ini, ia boleh dituntut apabila suami isteri berpisah kerana perceraian hidup seperti fasakh, talak, li'an dan lain sebagainya, atau mati salah seorang, atau semasa tempoh perkahwinan misalnya, suami berpoligami, maka pasangan dianggap mempunyai hak untuk menuntut harta yang dimiliki atau yang diperoleh oleh pasangannya selama dalam tempoh perkahwinan sebagai harta sepencarian.

Di Singapura, kes-kes harta sepencarian yang dirujukkan dan dibincangkan di Mahkamah Syariah kebanyakannya melibatkan pembahagian harta sepencarian suami isteri apabila terjadi perceraian. Sementara itu apabila berlaku kematian salah satu pasangan suami isteri, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk mengagih dan memutuskan perkara berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian suami isteri. Mahkamah Syariah hanya mengeluarkan sijil warisan, dan tidak diterangkan bahawa dalam harta warisan tersebut ada hak harta sepencarian yang mesti dibahagikan dahulu kepada pasangan yang masih hidup sebelum harta itu diagihkan kepada ahli warisnya mengikut ketentuan hukum faraidh. Tetapi bukan bermakna bahawa harta sepencarian tidak wujud jika berlaku kematian salah satu pasangan suami isteri, tetapi kuasa mengatur dan mengagihkannya ada di Mahkamah Sivil.¹

¹ Lihat AMLA seksyen 112 (3): "In the case of a Malay dying intestate, the court may make an order for the decision of the harta sepencarian or jointly acquired property in such proportions as to the court seems fit."

Dalam seksyen 112 (3) disebutkan bahawa: jika berlaku kematian kepada salah satu pasangan suami isteri, Mahkamah (sivil) mempunyai kuasa untuk membahagikan harta sepencarian sesuai dengan budibicara Mahkamah.

2.1.1 Harta Sepencarian dalam AMLA 1999

Harta sepencarian telah dimaktubkan dalam AMLA (Akta Pentadbiran Undang-undang Islam) Singapura 1999. AMLA mentafsirkan harta sepencarian dengan dua tafsiran. Pertama: Harta benda yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau yang dimiliki bersama suami isteri sebelum tempoh perkahwinan, dan harta tersebut telah mengalami penambahan nilai selama dalam perkahwinan oleh salah satu pihak atau kedua pihak suami isteri. Kedua: Harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau dimiliki bersama oleh keduanya selama tempoh perkahwinan tetapi tidak termasuk harta (selain rumah suami isteri) yang diperoleh oleh salah satu pasangan secara hadiah atau mendapat warisan dengan syarat bahawa harta tersebut tidak mengalami penambahan yang nyata selama masa perkahwinan oleh salah satu pihak atau keduanya.²

Tafsiran ini memberikan makna dan cakupan yang luas terhadap harta sepencarian suami isteri, kerana termasuk dalam pengertian harta sepencarian adalah semua harta yang mengalami penambahan nyata yang dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama, sama ada pemilikan tersebut berlaku sebelum perkahwinan atau selama perkahwinan. Pengecualian hanya diberikan kepada harta yang diperolehi oleh salah satu pasangan sebelum atau ketika perkahwinan melalui

² AMLA seksyen 52 (14) (a), (b). Harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri sebelum perkahwinan juga tidak termasuk harta sepencarian jika diperoleh dengan cara hadiah atau mendapat warisan dan ianya tidak mengalami penambahan yang nyata selama masa perkahwinan oleh salah satu pihak atau keduanya.

cara hadiah dan warisan dengan syarat harta tersebut tidak mengalami penambahan yang nyata.³

Penafsiran ini lebih luas daripada beberapa penafsiran harta sepencarian yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji harta sepencarian.⁴ Prof Dr Ahmad Ibrahim seorang pakar undang-undang Islam memberikan definisi harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya, hasil daripada sumber atau daripada usaha mereka bersama.⁵ Ini bermakna bahawa harta yang dimiliki oleh pasangan suami isteri sebelum perkahwinan atau selepas berlakunya perceraian, tidak termasuk dalam harta sepencarian.

Tafsiran ini sama dengan keputusan Mahkamah Agung Indonesia (1956) yang menetapkan bahawa: semua harta yang diperoleh selama berlakunya perkahwinan, termasuk harta “gono gini” iaitu harta perkahwinan biarpun mungkin hasil kegiatan suami sahaja”.⁶ Di samping memberikan makna bahawa semua harta yang diperolehi selama berlangsungnya perkahwinan adalah termasuk dalam harta sepencarian, keputusan ini juga memberikan indikasi bahawa sesiapa yang memperoleh harta perkahwinan tersebut tidak ditimbulkan, selama harta tersebut diperoleh dalam

³ Lihat *Rosnah bte Sanjar lwn Zakarian bin Mahmud*, LRS No. 17/2003. Lembaga Rayuan memberikan tafsiran harta sepencarian dalam AMLA seksyen 52(14) seperti berikut: “A reading of s.52 (14) clearly shows that Parliament has given a very wide definition of property that is subject to division of marriage. If the property is acquired during the marriage, then it becomes subject to division under s.52. If the property is acquired before the marriage –unilaterally or jointly- it still becomes subject to division upon divorce or dissolution of marriage if it has been substantially improved during the marriage. For the purposes of this appeal, the flat was acquired by the respondent during the marriage. Therefore, on the basis of sub-subsection (b), the flat becomes matrimonial property by operation of law.

⁴ Lihat juga *Robert lwn Kalthom* (1966) 1 *MLJ* 163 JH (1402H) 11:1, h.82. Md Akhir Haji Yaakob, JH (1405H) VL1, h.37.

⁵ Prof. Ahmad Ibrahim *et al.* (1991), "Undang-Undang Harta Dalam Islam", *Al-Ahkam*, j. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 142.

⁶ *Majalah HUKUM Indonesia* (1957), 5-6, h .31.

perkahwinan. Sebab semua harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri selama dalam perkahwinan mereka termasuklah dalam harta perkahwinan.⁷

Dalam Enakmen terbaru ke atas Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 seksyen 57 (3) disebutkan bahawa: “termasuk dalam harta sepencarian yang mesti dibahagikan adalah apa-apa yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal atau supaya aset-aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu”.⁸ Bermakna, selagi harta tersebut diperolehi daripada usaha tunggal salah satu pasangan, tetapi jika ianya didapat dalam masa perkahwinan maka ia termasuk dalam harta sepencarian.

Walaupun demikian, Mimi Kamariah Majid tidak menafikan bahawa harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri sebelum perkahwinan boleh dituntut oleh pihak yang satu lagi sebagai ‘upah’ jika harta tersebut dikerjakan bersama semasa perkahwinan dan hasilnya telah meningkatkan nilai harta tersebut.⁹ Ini juga sesuai dengan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 2 (5) yang menjelaskan lebih lanjut tafsiran harta sepencarian dengan

⁷ Surojo Wigdjidipuro S.H. menambahkan bahawa di daerah-daerah yang mengenal adanya harta milik bersama suami isteri, menganggap termasuk milik bersama suami isteri segala kekayaan yang selama berlangsungnya perkahwinan diperoleh suami atau isteri, asal sahaja kedua-duanya bekerja untuk keperluan keluarga. Dan perkataan bekerja itu sendiri lama-kelamaan telah menjadi sangat luas dan kabur, sehingga seorang isteri yang pekerjaannya di rumah sahaja, berupa memelihara anak-anak dan mengurus rumah tangga, sudah dianggap bekerja juga. Hal ini menjadikan semua kekayaan yang secara persendirian didapat oleh suami menjadi milik bersama. Perkara ini sudah wajar, sebab meskipun si isteri tidak bekerja sendiri untuk memperoleh barang-barang tersebut, namun dengan memelihara anak-anak dan membereskan urusan rumah tangga itu, si suami telah menerima bantuan yang sangat berharga serta yang sangat mempengaruhi kelancaran pekerjaannya sehari-hari. Jadi ini juga mempengaruhi secara tidak langsung bertambah atau berkurangnya milik bersamanya itu. Apabila dalam mengurus rumah tangganya sehari-hari itu, isteri dapat melakukan penghematan yang pantas, maka secara langsung isteri ini juga membantu dalam memelihara dan memperbesar milik bersama suami dan isteri. Oleh kerana itu, maka anggapan umum kini mengatakan bahawa barang yang diperoleh dalam masa perkahwinan selalu menjadi milik bersama. Lihat Surojo Wigdjidipuro S.H.(1971), *Pengantar Dan Azas-Azas Hukum Adat*. Bandung: Penerbit Alumni, h. 205-206.

⁸ Enakmen undang-undang pentadbiran keluarga Islam 1985 (12/85).

⁹ Mimi Kamariah Majid (1992), *op.cit.*, h. 190-191.

menegaskan bahawa rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka".¹⁰ Ertinya bahawa jika harta tersebut dimiliki oleh salah satu pasangan sebelum perkahwinan tetapi telah dimajukan oleh salah satu pihak atau bersama-sama dalam perkahwinan, maka harta tersebut termasuk harta sepencarian.

2.1.2 Tafsiran Harta Sepencarian - Kes Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah Singapura juga telah mentafsirkan bahawa harta yang diperolehi oleh salah satu pihak suami isteri sebelum perkahwinan termasuk dalam harta sepencarian jika harta tersebut telah mengalami peningkatan nilai. Usaha yang disumbangkan ke atas bertambahnya nilai harta tersebut menjadi penilaian utama ketika berlaku tuntutan harta sepencarian.

Tafsiran tersebut dapat dilihat daripada keputusan kes yang berlaku antara *Fadzil dan Aernie*.¹¹ Dalam kes ini, Yang Menuntut dan yang Dituntut telah melangsungkan akad nikah dan dicatatkan perkahwinan mereka berdua di Songkla, Thailand pada 10 November 1996. Perkahwinan tersebut kemudiannya didaftarkan di Lembaga Pendaftaran Perkahwinan Orang Islam Singapura (ROMM) pada 22 November 1997. Berikutan pendaftaran perkahwinan mereka di Singapura, keduanya tinggal di rumah ibu pihak suami di No.38 Jalan Lembing 3, Taman Sri Terbau Johor. Sebelum kemudian mereka menyiapkan rumah di #09-11 Panglima B Bukit Saujana, Johor Bahru (Bukit Saujana Flat) dan tinggal di rumah tersebut dari tahun 1997-2002.

¹⁰ [Akta 303] h. 43-44.

¹¹ *Abdul Fadzil bin Abdul Kadir lawan Aernie binte Sulaiman*, MS No. 25809.

Rumah di Panglima B Bukit Saujana tersebut telah dibeli oleh pihak suami sebelum mereka berdua berkahwin.

Dalam kes ini, Mahkamah Syariah telah memasukkan rumah Bukit Saujana ke dalam harta sepencarian suami isteri walaupun rumah tersebut telah dibeli oleh pihak suami dan telah dilunaskan pembayarannya sebelum mereka berdua berkahwin. Pihak isteri juga tidak memberikan sumbangan kewangan yang nyata dalam pembaikan dan ubahsuai rumah tersebut.

Pertimbangan Mahkamah dalam memberikan hak harta sepencarian ke atas rumah yang dibeli oleh suami sebelum perkahwinan tersebut adalah kerana isteri walaupun tidak menyumbang dari segi kewangan terhadap pembelian dan ubahsuai rumah tersebut, tetapi pihak isteri dianggap telah menyumbangkan usaha dan tenaga dengan menguruskan dan merawatnya sepanjang usia perkahwinan mereka. Dengan pengurusan dan penjagaan yang baik terhadap rumah tersebut, bertambahlah nilai pasarannya.¹²

Dengan demikian, Mahkamah Syariah telah memasukkan rumah tersebut ke dalam harta sepencarian disebabkan oleh bahawa rumah tersebut telah mengalami peningkatan nilai harga pasaran daripada apa yang ada sebelum perkahwinan. Penambahan nilai rumah ini dianggap sebagai sumbangan isteri ke atas rumah tersebut yang tidak boleh dinafikan bahawa rumah tersebut adalah rumah sepencarian, walaupun ianya adalah harta mutlak suami yang didapat sebelum perkahwinan mereka berdua.

¹² Abdul Fadzil bin Abdul Kadir lawan Aernie binte Sulaiman, MS No. 25809.

Menarik untuk diungkapkan bahawa, dalam kes yang lain antara *Tijah lawan Marsuk*,¹³ Presiden Mahkamah Syariah menolak tuntutan suami ke atas rumah yang telah dibeli oleh pihak isteri dan anak-anak isteri dari perkahwinan sebelumnya sebagai harta sepencarian. Sebabnya adalah bahawa rumah tersebut telah dibeli oleh pihak isteri dan anak-anaknya 4 tahun sebelum tarikh perkahwinan mereka berdua.

Dalam kes ini, Mahkamah tidak menafikan sumbangan kewangan daripada pihak suami berupa bayaran ansuran bulanan, tetapi Mahkamah menganggap sumbangan kewangan tersebut bukan sumbangan langsung terhadap rumah HDB yang dimiliki oleh isteri dan anak-anaknya, tetapi dianggap sebagai suatu kewajiban suami untuk memberi nafkah kepada isteri dan juga dianggap sebagai sewa untuk tempat perlindungan dia dan isterinya.

Secara sepintas kes ini agak mengelirukan, memandangkan bahawa dalam kes terdahulu¹⁴ Mahkamah Syariah mengabulkan tuntutan harta sepencarian daripada pihak isteri ke atas rumah yang dibeli oleh suaminya sebelum perkahwinan, walaupun isteri tidak menyumbang dari segi kewangan terhadap pembelian rumah tersebut. Sedangkan dalam kes yang lain,¹⁵ Mahkamah Syariah menolak tuntutan harta sepencarian terhadap rumah yang dimiliki oleh isteri walaupun suami telah menyumbang dari segi kewangan dengan membayarkan ansuran bulanan rumah tersebut. Di antara sebab yang diberikan oleh pihak Mahkamah, kerana rumah tersebut dibeli oleh isteri dan anak-anaknya sebelum perkahwinan keduanya.

¹³ *Hajjah Tijah Binte Ibarahim lawan Marsuk Bin Dolah @ Ahmad Marsuk Bin Dolah*, MS No. 17923.

¹⁴ *Abdul Fadzil bin Abdul Kadir lawan Aernie binte Sulaiman*, MS No. 25809.

¹⁵ *Hajjah tijah Binte Ibarahim lawan Marsuk Bin Dolah @ Ahmad Marsuk Bin Dolah*, MS No. 17923.

Pada hemat saya, perbezaan antara kedua kes tersebut yang membawa berbezanya keputusan Mahkamah adalah bahawa, kes yang pertama, ianya melibatkan harta suami yang dituntut oleh isteri, sedangkan kes kedua adalah harta isteri yang dituntut oleh suami sebagai harta sepencarian. Seakan-akan bahawa isteri boleh menuntut harta yang dimiliki oleh suami sebelum perkahwinan sebagai harta sepencarian, begitu juga sumbangannya terhadap rumah selama perkahwinan diiktiraf untuk membolehkannya mendapatkan bahagian daripada harta yang dimiliki oleh suaminya. Sementara itu, suami tidak boleh menuntut harta yang dimiliki oleh isteri sebelum perkahwinan sebagai harta sepencarian, dan sumbangannya terhadap rumah tersebut –yang dalam kes ini, adalah sumbangan kewangan, tidak diiktiraf untuk membolehkannya mendapatkan bahagian daripada harta milik isteri.

Perbezaan ini dijelaskan oleh Yang Arif Presiden dengan mengatakan:

“sepatutnya suami menyediakan rumah kepada isterinya sebagai tempat berlindung. Tempat yang baik ialah yang selesa untuk isterinya. Tetapi apa yang terjadi ialah suami menumpang dengan isterinya dan mengambil faedah selama ini. Oleh itu saya menetapkan bahawa segala kewangan yang dikeluarkan oleh suami itu dikira nafkah, hibah, sedekah, hadiah kepada isterinya, oleh itu ia tidak boleh dituntut dan tidak boleh dijadikan alasan bahawa suami mempunyai *share* dalam rumah ini”.¹⁶

Mahkamah tidak mengiktiraf sumbangan suami ke atas rumah yang dimiliki oleh isterinya disebabkan bahawa yang sepatutnya berlaku bahawa rumah adalah tanggungjawab dan kewajiban suami terhadap isterinya. Jika kewajiban itu tidak dapat ditunaikan, maka segala bentuk sumbangan terhadap rumah yang dimiliki oleh isterinya adalah bahagian daripada kewajiban, bukan sebagai sumbangan yang patut dipertimbangkan kewujudannya.

¹⁶ *Hajjah tijah Binte Ibarahim lawan Marsuk Bin Dolah @ Ahmad Marsuk Bin Dolah*, MS No. 17923.

2.1.3 Harta Sepencarian Adalah Adat Melayu

Dalam kesempatan lain, Yang Arif Presiden Mahkamah Syariah berpendapat bahawa harta sepencarian adalah berasal daripada hukum adat atau tradisi dalam masyarakat tempatan atau dunia atau Melayu.¹⁷ Beliau secara tidak langsung menafikan bahawa harta sepencarian adalah bersumber daripada hukum Islam. Apa yang jelas kata beliau, bahawa Islam menghormati hak masing-masing, sama ada hak isteri atau suami. Islam melarang pengambilan atau rampasan hak seseorang tanpa kebenaran atau peruntukan syar'i. Ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadith yang disabdakan oleh Baginda dalam haji wadā' yang panjang, yang di antaranya Rasulullah saw. bersabda:

"إِنَّ دِمَاءُكُمْ وَأَمْوَالُكُمْ حَرَامٌ عَلَيْكُمْ كَحُرْمَةٍ يَوْمَكُمْ هَذَا فِي شَهْرٍ كُمْ هَذَا فِي بَلَدٍ كُمْ هَذَا إِلَى يَوْمٍ يَلْقَوْنَ رَبَّكُمْ تَبَارَكَ وَتَعَالَى"

Ertinya: Sesungguhnya darah kamu dan harta kamu adalah haram bagi kamu (untuk ditumpahkan dan diambil tanpa kebenaran) sebagaimana haramnya hari ini (hari Kurban), bulan ini (bulan Zul Hijjah), negeri kamu ini (Makkah) sampai kamu semua berjumpa dengan Allah (hari Akhirat).¹⁸

Dari hadith ini, tegas dinyatakan bahawa kamu wajib menghormati harta kamu dan darah kamu, harta benda dan darah wajib dihormati. Oleh itu haram atas

¹⁷ Raja Azlan Shah H, ketika mengomentari kes *Robert Iwn Umi Kalthum*, menegaskan bahawa harta sepencarian adalah berasal daripada adat Melayu. Berikut kenyataan Beliau: "Satu prinsip yang boleh didapati dari kes-kes tersebut yang telah memutuskan bahawa harta sepencarian adalah perkara adat Melayu dan dipakai hanya dalam kes di mana suami/isteri yang diceraikan menuntut dari isteri/suaminya dalam masa hidupnya; kaedah undang-undang itu adalah undang-undang tempatan yang mana Mahkamah hendaklah memberi pengikraran kehakiman dan menjadi tugas kepada Mahkamah mengisytiharkannya. Dalam kes *Boto' bte Taha Iwn Jaafar*, Salleh Abas HB (Malaya) juga mengatakan bahawa harta sepencarian berasal dari adat Melayu dan secara langsung menafikan keterlibatan undang-undang Islam dalam mensabitkan wujudnya harta sepencarian. Beliau berkata: "Harta sepencarian tidak begitu bergantung kepada fiqh Islam bahkan bergantung kepada adat yang diikuti oleh orang Melayu. Lihat keterangan lanjut, Prof. Ahmad Ibrahim, *Undang-Undang Islam Di Malaysia. JLM*, h. 212-213.

¹⁸ Lihat Sunan Ahmad, Hadith no 19594.

<http://hadith.al-islam.com/Display/Display.asp?hnum=19594&doc=6>. (21 Oktober 2007).

kamu mengambil harta orang lain tanpa kebenaran (haq) dan keredaan tuannya, ini termasuklah harta suami dan isteri.

Memandangkan bahawa harta sepencarian adalah perkara yang agak sukar untuk disabitkan di masa kini, berbanding dengan masa lampau,¹⁹ Yang Arif Presiden ingin memastikan bahawa dalam memutuskan harta sepencarian, sepatutnya unsur berhati-hati diberi keutamaan. Tidak dapat dinafikan juga bahawa harta sepencarian ini adalah suatu perkara yang sulit ditentukan kadarnya. Memang sukar untuk menetapkan mana-mana harta yang sama-sama dicari dan mana-mana pula harta yang khusus untuk suami sahaja atau khusus untuk isteri sahaja. Inilah cabaran yang sentiasa dihadapi oleh para hakim dalam memutuskan mana-mana kes berkaitan dengan harta sepencarian.

Unsur penelitian yang saksama sebelum menentukan kadar bahagian masing-masing dalam harta sepencarian adalah menjadi tanggung jawab semua hakim. Tidak sepatutnya bahagian masing-masing pasangan ke atas harta sepencarian ditentukan secara anggapan atau automatik, sama ada sepertiga, setengah dan yang sebagainya. Perlu diambil kira sumbangan sebenar secara langsung atau tidak langsung kedua-dua belah pihak dalam usaha memperolehi harta sepencarian. Begitu juga sumbangan

¹⁹ Kes Mahkamah Syariah no: 12653/1998 antara *Mohd Zaini Bin Salleh* dan *Heng Hock Kim Lena*. Dalam kes tersebut, Yang Arif menjelaskan sebab kesukaran untuk mensabitkan harta sepencarian dengan mengatakan, “Perkataan harta sepencarian ini agak sukar untuk dibagikan di masa kini, berbanding dengan masa lampau, dimana harta sepencarian itu dapat dikesan apabila seseorang suami sebagai petani bersama isterinya. Sama-sama bekerja mengusahakan ladang mereka setiap hari. Dari hasil ladang ini mereka sama-sama menggunakan untuk makan-minum dan menyimpan mananya yang lebih untuk kegunaan mereka nanti. Kemudian hasil darinya mereka gunakan pula untuk membeli harta tanah atau lain-lainnya, dimana harta yang terkumpul itu dinamakan harta sepencarian, kerana mereka sama-sama mencari harta itu. Sementara dalam masyarakat kita pada hari ini berbeza, kerana suami bekerja di tempat lain dan isteri juga (kemungkinan) bekerja di tempat lain atau isteri langsung tidak bekerja. Oleh itu hasil kerja suami tidak boleh dikatakan sebagai harta sepencarian, demikian juga hasil kerja si isteri”.

kewangan dan bukan kewangan. Ini perlu diambil perhatian kerana ia lebih menepati kehendak keadilan pembahagian yang dikehendaki oleh Islam. Allah swt. berfirman, yang maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman! Jangan kamu memakan harta kalangan kamu dengan cara yang batil (tidak betul)”,

Surah al-Nisā’ (4) : 29

Larangan yang sama terkandung dalam ayat yang bermaksud:

“Jangan kamu memakan harta kepunyaan kalangan kamu secara batil (tidak betul) dan kamu kemukakan perkara itu kepada hakim daripada harta orang lain dengan cara dosa sedangkan kamu mengetahuinya”.

Surah al-Baqarah (2) :188

Hal ini dikemukakan oleh Abdullah Abu Bakar dalam artikel tentang harta sepancarian dalam persepektif Islam.²⁰

2.2 TAFSIRAN SUMBANGAN LANGSUNG

Membincangkan harta sepancarian tidak lepas daripada kajian tentang sumbangan yang diberikan oleh kedua belah pihak suami isteri dalam mendapatkan harta sepanjang masa perkahwinan mereka. Ianya adalah tidak mudah, memandangkan bahawa perkahwinan adalah ikatan abadi yang mana suami isteri ketika mengikat diri mereka dalam ikatan suci yang bernama perkahwinan, suami isteri telah berazam untuk hidup bersama membina rumah tangga yang bahagia hingga ke anak-cucu. Oleh yang demikian, isu berapa sumbangan yang diberikan oleh keduanya dalam mengumpulkan harta sepanjang tempoh perkahwinan adalah perkara yang sulit dibuktikan dan dianggarkan. Di antara sebabnya adalah bahawa keduanya tidak pernah mengira atau mencatat setiap sumbangan yang dikeluarkan atau diberikan sepanjang tempoh perkahwinan mereka.

²⁰ Abdullah Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h. 148-149.

Dalam kehidupan rumah tangga moden Singapura sekarang ini, biasanya suami isteri bekerja untuk menampung kos kehidupan rumah tangga. Suami isteri masing-masing mempunyai pendapatan tersendiri. Kos perbelanjaan rumah tangga ditanggung bersama tanpa mengira atau mencatit sudah berapa banyak wang atau harta yang telah dibelanjakan untuk nafkah keluarga dan anak-anak. Bil api-air, keperluan pembelajaran anak-anak; yuran sekolah, buku-buku dan perlengkapan alat tulis, pakaian sekolah dan segala keperluan persekolahan ditanggung bersama suami isteri. Jika berlaku perceraian, dan setelah mereka menjalani kehidupan berumahtangga selama 10 tahun serta dikurniakan dengan 5 cahaya mata contohnya, masalah sumbangan masing-masing suami isteri selama dalam perkahwinan amatlah sulit dihitung dan dianggarkan, apalagi dibuktikan dalam bentuk dokumen bertulis.

Secara umumnya sumbangan suami isteri dalam harta sepencarian dibahagikan kepada sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung. Perbincangan dan penafsiran masing-masing bahagian telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji harta sepencarian.²¹

Ringkasnya bahawa sumbangan langsung meliputi semua sumbangan yang diberikan oleh salah satu pihak terhadap perolehan harta yang dimiliki oleh pihak yang satunya lagi, atau harta yang dimiliki bersama oleh kedua pasangan suami isteri. Ianya adalah sumbangan yang secara langsung menjadi penyebab diperolehnya harta, atau bertambahnya nilai sesebuah harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri. Sumbangan itu meliputi sumbangan kewangan, harta, kerja, atau apa-apa

²¹ Lihat Mimi Kamariah Majid (1992), *op.cit.*, h. 192-193.

bentuk kerja yang secara langsung menjadi penyebab diperolehnya sesebuah harta atau bertambahnya nilai sesebuah harta tersebut.²²

2.2.1 Tafsiran Sumbangan Langsung dalam AMLA

AMLA memberikan penjelasan yang terperinci terhadap perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Hakim dalam menentukan dan membahagikan harta sepencarian suami isteri ketika berlaku perceraian. AMLA juga memberikan tafsiran yang agak terperinci berkaitan dengan sumbangan yang diberikan oleh salah satu pihak terhadap harta yang dimiliki oleh pihak yang lain, atau yang dimiliki bersama suami isteri. Tetapi tidak secara jelas AMLA membahagikan sumbangan tersebut kepada sumbangan langsung dan tidak langsung atau sumbangan kewangan dan bukan kewangan.

Dan jika dilihat daripada makna tersirat daripada seksyen 52(8) dapat difahami bahawa sumbangan langsung ada diterangkan dalam butir 8(a) iaitu:

"the extent of the contributions made by each party in money, property or work towards acquiring, improving or maintaining the property".

Di antara jenis sumbangan langsung tersebut adalah sumbangan kewangan, harta, atau kerja untuk mendapatkan harta tersebut, meningkatkan atau menguruskan harta yang dimiliki bersama atau yang dimiliki oleh salah satu pasangan.

Perincian AMLA berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian telah memberikan panduan yang secukupnya kepada Para Hakim dalam memutus dan

²² AMLA seksyen 52 (8) (a). Lihat juga Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 2 (1).

membahagikan secara adil kes-kes harta sepencarian.²³ Tetapi daripada asas-asas penghakiman di Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan dapat difahami bahawa sumbangan suami isteri ke atas harta sepencarian dibahagikan kepada 2 bahagian. Sumbangan kewangan dan sumbangan bukan kewangan. Dalam kes yang lain digunakan juga sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung.²⁴

Presiden Mahkamah Syariah yang lepas Ust Sallim Jasman –dalam temuduga yang dilakukan oleh penulis— menyatakan bahawa pihak Mahkamah banyak merujuk kepada tulisan-tulisan dan penghakiman kes-kes yang berlaku di Malaysia dan Indonesia berkaitan dengan penafsiran sumbangan suami isteri terhadap harta sepencarian yang diperolehi oleh keduanya selama dalam ikatan perkahwinan.²⁵

2.2.2 Contoh-contoh Sumbangan Langsung di Mahkamah Syariah

Menarik diungkapkan bahawa fakta-fakta kes tuntutan harta sepencarian di Singapura, tuntutan melibatkan rumah HDB²⁶ merupakan isu utama yang selalu ada dalam hampir setiap perceraian yang berlaku antara suami isteri.²⁷ Dalam kes-kes yang melibatkan tuntutan rumah HDB yang dikenal dengan ‘rumah sepencarian’,

²³ AMLA seksyen 52

²⁴ *Noryahati binte Mohamed Yusof lawan Yusof bin Musta*, MS No.12936. Dalam kes ini Presiden Mahkamah menyatakan: "Secara umum, takrif harta sepencarian ialah setiap harta yang diperolehi suami isteri semasa dalam pernikahan. Sama ada isteri memberi sumbangan secara langsung atau tidak, bukanlah satu perkara yang boleh diambil kira. Sumbangan isteri tidak secara langsung (non monetary contribution) perlu dipertimbangkan. Lihat juga *Ahmad bin Treemoh lawan Lena Erdawati*, LRS No. 18/1999.

²⁵ Temuduga yang dilakukan oleh penulis dengan Presiden Mahkamah Syariah yang lepas Ustaz Sallim Jasman pada 4 Januari 2006.

²⁶ Rumah HDB (Housing Development Board) adalah perumahan yang dibangun oleh Kerajaan Singapura untuk rakyatnya. Perumahan ini mendapat subsidi daripada Kerajaan. Kebanyakan rakyat Singapura tinggal di rumah HDB tersebut, kecuali segolongan kecil yang mempunyai kemampuan kewangan untuk membeli rumah privat yang pastinya hartanya sangatlah mahal.

²⁷ *Iryati bte Madban lawan Mohamed Noh bin Asmoni*, MS No. 24637; *Aminah bte Mohd Tahar lawan Jasni bin Abdullah*, MS No. 21280; *Fatimah bte Umar Abdat lawan Hussain bin Salim Mubarok Abdat*, MS No. 21066, dan banyak lagi kes-kes harta sepencarian yang melibatkan tuntutan rumah HDB.

Mahkamah Syariah akan melakukan penelitian yang rapi berkaitan dengan segala sumbangan yang diberikan oleh kedua belah pihak ke atas rumah HDB yang dimiliki bersama suami isteri.

2.2.2(a) Sumbangan Kewangan

Sumbangan kewangan yang disumbangkan oleh suami isteri adalah di antara faktor utama yang diteliti oleh pihak Mahkamah Syariah sebelum memutuskan untuk memberikan bahagian tertentu terhadap kedua belah pihak yang bertikai. Dari sini nampak bahawa sumbangan kewangan adalah merupakan sumbangan langsung terhadap harta sepencarian. Dalam sesetengah kes, sumbangan kewangan ini, dibutirkан secara terperinci untuk mengetahui secara pasti berapakah sumbangan langsung berupa kewangan masing-masing pihak terhadap rumah yang dimiliki bersama.²⁸

Dalam kes *Nazli lawan Delima*,²⁹ kedua belah pihak menuntut hak pembahagian harta sepencarian daripada rumah HDB yang mereka berdua beli dan berdaftar atas nama keduanya. Pihak suami mahu rumah ini dijual di pasaran terbuka. Pembahagian keuntungannya ialah secara 50:50. Sementara pihak isteri menuntut supaya rumah ini dipindahkan hak miliknya kepadanya dan dipadamkan nama suami sebagai pemilik bersama rumah tersebut.

²⁸ *Mohd Irwan bin Abdullah Teo lawan Salijah binte Abdul Latif*, LRS No.14/1995. Dalam kes ini Hakim Lembaga Rayuan membuat perincian sebagai berikut: "The proportion of contributions made by the respondent and the appellant toward the purchase of the flat would be as per the following calculations: Payment from appelland's CPF (up to January 1993) \$29,109. Payment from respondent's CPF (from February 1993 to August 1993) \$2,460. Cash payment through rental income (from September 1993 to March 1996 at \$326 per month) \$10,106 (5,053 each). % of appellant's contribution $\{(29,109+5,053)\times100\}/41,675 = 81.97\%$. % of respondent's contribution $\{(2,460+5,053)\times100\}/41,675 = 18.03\%$. Based on the above, the appellant's share amounts to 81.97% which is about four times the respondent's share.

²⁹ *Mohammad Nazli bin Johar lawan Delima Suria Binte Ahmad*, MS No. 23846.

Dalam penghakimannya Yang Arif Presiden Mahkamah menolak keinginan isteri untuk menafikan hak suami terhadap rumah tersebut, memandangkan suami telah menyumbang ke atas pemilikan rumah tersebut dalam kadar yang sama dengan kadar yang dibayar oleh pihak isteri. Beliau mendedahkan bahawa rumah tersebut dibeli dengan harga \$191,400/. Suami membayar wang muka sebanyak \$17,390/- dari CPFnya dan isteri membayar \$20,869/- daripada CPFnya. Bayaran ansuran bulanan ialah \$706/- : dari CPF suami \$363 dan daripada CFP isteri \$343. Jelas daripada keterangan ini bahawa sumbangan daripada kedua belah pihak hampir-hampir sama banyak.

Berasaskan kepada sumbangan kewangan daripada suami yang berupa wang muka dan bayaran bulanan, maka Presiden tetap memberikan hak kepada suami daripada rumah yang dibelinya bersama isterinya. Mahkamah Syariah tidak menyebut bahawa sumbangan kewangan sebagai sumbangan langsung kedua pihak dalam tuntutan harta sepencarian, tetapi sudah menjadi maklum dalam kes-kes harta sepencarian bahawa sumbangan kewangan adalah termasuk sumbangan utama ke atas harta yang dimiliki bersama suami isteri selama perkahwinan.

Dalam kes *Irwan lawan Salijah*,³⁰ Abdul Rahim bin Haji A. Jalil Ketua Jemaah Hakim Lembaga Rayuan dalam kes ini, mengatakan bahawa sumbangan kewangan daripada kedua belah pihak suami isteri telah diambil kira dan merupakan salah satu faktor yang perlu pertimbangkan. Dalam beberapa kes di Lembaga Rayuan

³⁰ Mohd. Irwan bin Abdullah dan Salijah binte Abdul Latef, LRS No. 14/1995.

didapati bahawa sumbangan kewangan kedua belah pihak telah menjadi faktor yang utama dan menentukan dalam pembahagian harta sepencarian.³¹

2.2.2(b) Pembayaran Ubahsuai Rumah

Di samping sumbangan kewangan terhadap pembelian rumah yang berupa pembayaran wang muka (downpayment) dan ansuran bulanan, sumbangan kewangan dalam bentuk ubahsuai rumah HDB juga mempengaruhi kadar pembahagian harta sepencarian yang diperoleh oleh pihak yang menyumbang. Dalam kes *Azizah lawan Johari*,³² Mahkamah Syariah memberikan isteri bahagian 60% daripada keuntungan rumah apabila dijual. Pembahagian ini melebihi sumbangan kewangan yang diberikan oleh isteri dalam pembelian rumah HDB tersebut. Pihak isteri menyumbang sedikit sahaja berbanding dengan sumbangan kewangan suami. Walaupun pihak Mahkamah tidak menyebutkan peratusan yang disumbangkan oleh isteri, tetapi daripada pengakuan isteri difahami bahawa suami menyumbang dengan kadar yang jauh lebih banyak.

Dengan mempertimbangkan sumbangan kewangan ubahsuai yang diberikan oleh isteri, Mahkamah Syariah memberikan kepada isteri kadar 60% dan suami mendapat hanya 40%, suatu kadar yang jauh lebih rendah daripada sumbangan kewangan yang dikeluarkan oleh pihak suami. Di antara sebab tingginya bahagian yang diterima oleh isteri adalah bahawa isteri telah menyumbang dalam bentuk

³¹ *Normah binte Mohamed Sani lawan Abdul Wahab bin Mohamed Jahn*, LRS No. 19 & 20/1986; *Jam Hari bin Jaafa dan Fatimah binte Saayan*, LRS No. 8/1995; *Haji Ibrahim Kassim Angullia lawan Mariam binte Abdullah*, LRS No. 9/1994.

³² *Azizah Binte Daud dan Mohammad Johari Bin Salleh*, MS No.18200.

kewangan lain terhadap rumah HDB tersebut yang berupa ubahsuai.³³ Lembaga Rayuan juga menjadikan sumbangan kewangan untuk ubahsuai rumah juga termasuk sumbangan langsung terhadap harta sepencarian suami isteri.³⁴

2.2.2(c) Wang Belanja Harian Pihak Isteri

Bentuk sumbangan lain daripada sumbangan kewangan kedua belah pihak, utamanya pihak isteri adalah sumbangan isteri terhadap wang belanja harian keluarga. Tidak dapat dinafikan bahawa jika isteri ikut bekerja dan mempunyai penghasilan tersendiri, secara sengaja atau tidak, dengan sukarela atau kerana nafkah yang diberikan oleh pihak suami tidak mencukupi, isteri ikut terlibat dalam menanggung kos perbelanjaan harian kehidupan mereka dan anak-anak.

Dalam pandangan Islam, bahawa suami bertanggungjawab secara penuh terhadap nafkah isteri dan anak-anak. Allah berfirman yang bermaksud:

"Kaum laki-laki itu adalah pemimpin kepada kaum wanita kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka.

Surah al-Nisā' (4): 34.

³³ Dalam kes yang lain antara *Daud Bin Jaafar lawan Rohani Binte Mohamad*, MS No.15770, seakan Yang Arif Presiden memberikan gambaran yang lain berkaitan dengan sumbangan kewangan isteri yang berupa wang ubahsuai rumah. Beliau berkata: "tentang perbelanjaan ubah-elok yang diambil dari penjualan rumah, saya berpendapat bahawa perkara ini adalah lumrah sebagai pasangan yang menukar rumah dari rumah lama kepada rumah baru yang lebih besar atau lebih mahal, sebagaimana pasangan dalam kes ini, di mana mereka berpindah dari rumah yang kecil (atau lebih murah) kepada yang lebih besar (atau lebih mahal), oleh itu memang sepatutnya mereka sama-sama menggunakan wang dari keuntungan rumah yang lalu untuk ubah-elok rumah yang baru". Seakan-akan Yang Arif Presiden tidak menjadikan sumbangan kewangan isteri yang berupa wang ubahsuai sebagai sumbangan kewangan, tetapi menganggapnya sebagai tanggungjawab bersama suami isteri yang ingin memiliki rumah yang lebih baik.

³⁴ *Rosnah bte Sanjar lawan Zakarian bin Mahmud*, LRS No. 17/2003. Dalam kes tersebut, Mahkamah memberikan isteri hak 50% daripada bahagian suami yang diperoleh daripada rumah yang sebelumnya dimiliki oleh ibu kepada suami dan abangnya. Pihak isteri telah menyumbang wang sebanyak \$7000, untuk ubahsuai rumah.

Allah juga telah berfirman :

"Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf".

Surah al-Baqarah (2): 233.

Isteri tidak dibebankan menanggung perbelanjaan keluarga walau satu sen pun. Dan jika didapati bahawa suami tidak mampu memberikan nafkah yang mencukupi kepada isterinya, Syara' mensabitkan hak fasakh atau terjatuhnya taklik. Ini bermakna bahawa segala sumbangan kewangan yang telah dikeluarkan oleh isteri untuk membantu menyara kehidupan rumah tangganya adalah sumbangan langsung yang perlu juga dikira ketika pihak Mahkamah membuat pembahagian harta sepencarian.

Dalam kes antara *Alias bin Salim lawan isterinya*,³⁵ Mahkamah Syariah telah menjadikan sumbangan kewangan isteri yang berupa wang belanja keluarga yang ia keluarkan sepanjang berlangsungnya perkahwinan sebagai sebab atas Mahkamah memberikan harta sepencarian pasangan tersebut --yang berupa rumah-- kepada pihak isteri sepenuhnya. Fakta kes ini bahawa sepanjang usia perkahwinan mereka berdua, pihak suami telah gagal memberikan nafkah kepada isteri dan anak mereka. Di Lembaga Rayuan, Panel Hakim yang terdiri daripada tiga Hakim telah menyokong keputusan Mahkamah Syariah dengan berkata: "Lembaga bersetuju dengan keputusan Hakim yang membicarakan kes mereka supaya rumah tersebut diserahkan kepada pihak isteri setelah menimbangkan antara sebab hakim memutuskan sedemikian ialah kegagalan suami memberikan nafkah sepanjang masa perkahwinan."

³⁵ *Alias bin Salim lawan Noraini*, LRS No. 17/1993.

Perkongsian tanggungjawab menanggung kos dan belanja rumahtangga dalam keluarga Islam Singapura adalah perkara yang biasa. Di zaman sekarang ini, dengan kos hidup yang meningkat dan keperluan keluarga dan anak-anak kian besar, memaksa isteri ikut bekerja untuk meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh suaminya. Jika hal ini adanya, maka sudah dipastikan bahawa isteri secara nyata telah menyumbang dari segi kewangan terhadap kehidupan rumahtangganya. Dan memang wajar jika Mahkamah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap sumbangan kewangan pihak isteri ke atas harta sepencarian mereka selama dalam perkahwinan.

Dalam kes lain di Lembaga Rayuan antara *Kamsah lawan Azizi*,³⁶ Yang Arif Abdul Rahim bin Hj, A. Jalil, ketua jemaah hakim dalam kes ini, menukar keputusan Mahkamah Syariah yang memberikan 15% kepada pihak isteri daripada keuntungan rumah kepada 25%. Di antara sebabnya adalah bahawa isteri telah menanggung belanja kewangan keluarga selama 6 tahun, iaitu dari tahun 1974 hingga 1979 ketika pihak suami kehilangan pekerjaan. Pihak isteri telah bekerja dan mempunyai pendapatan ketika suaminya tidak bekerja. Dari pekerjaan itulah pihak isteri membayai kehidupan suami dan anak-anaknya. Sumbangan kewangan yang di antaranya belanja harian keluarga inilah diambil kira oleh pihak Lembaga Rayuan sehingga pihak isteri mendapatkan bahagian yang lebih besar daripada pembahagian harta sepencarian mereka berdua.

³⁶ *Kamsah binte Abdul Rahman lawan Abdul Azizi bin Abdul Rahman*, LRS No. 46/1995.

2.3 Tafsiran Sumbangan Tidak Langsung

Islam menghormati dan mengiktiraf pemilikan individu terhadap harta benda.³⁷ Setiap individu berhak mempunyai harta dan semua harta yang dimilikinya dilindungi oleh undang-undang Islam. Apa jua bentuk pengambilan secara tidak benar (secara batil) terhadap harta benda seseorang dianggap sebagai jenayah. Allah berfirman dalam Al-Qur'an:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ ﴾

Ertinya: "wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (mengambil) harta benda sesama kamu secara tidak benar kecuali atas dasar kerelaan".

Surah al-Nisā' (4): 29

Imam Al-Suyūtiy memasukkan harta benda sebagai salah satu *maqāsid syarī'ah* (salah satu asas-asas perundangan Islam). Sebarang penggunaan secara tidak sah ke atas harta benda seseorang adalah suatu jenayah yang boleh dikenakan hukuman hudud berupa potong tangan atau ta'zir jika ianya tidak memenuhi syarat hudud.

Allah berfirman:

﴿ وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطِعُوهُ أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾

Ertinya: Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan dari apa yang telah mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Surah al-Māidah (5) : 38

³⁷ Prof. Dr, Haji Abdullah Siddik (1980), *Hukum Adat Rejang*. Jakarta: PN Balai Pustaka. h.299

Ini menunjukkan bahawa Islam sangat mengambil berat dan memberikan perlindungan yang ketat ke atas harta yang dimiliki oleh individu. Kerana setiap individu bukan hanya berhak memiliki harta benda tetapi juga bertanggungjawab terhadap penggunaan harta yang dimilikinya itu. Rasulullah saw. bersabda:

{عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لَا يَنْعَقِدُ قَدَمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّىٰ يَسْأَلُ عَنْ عُمْرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ أَكْسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ . رواه الترمذی} .

Ertinya: "Tidak akan bergerak kedua kaki manusia pada hari kiamat sehingga disoal tentang umurnya dimana ia dihabiskan, dan dari ilmunya apakah yang dilakukannya, dan dari hartanya dari mana diperolehi dan dimana dibelanjakannya, dan dari tubuh badannya dimana digunakannya".³⁸

Islam juga menghukumkan harta yang dimiliki oleh suami atau isteri adalah harta benda tersendiri yang tidak bercampur antara keduanya, sama ada harta benda tersebut adalah harta bawaan sebelum perkahwinan atau harta benda yang dimiliki selama dalam ikatan perkahwinan.³⁹

Pemilikan tersendiri harta suami atau isteri ini nampak jelas daripada disyariatkannya pembahagian harta pusaka suami isteri ketika berlaku kematian. Isteri mendapat bahagian tertentu daripada harta yang dimiliki oleh suaminya, begitu juga suami mendapat bahagian tersendiri daripada harta yang dimiliki oleh isterinya. Allah berfirman:

﴿وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ، فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوْصِيْنَ بِهَا أَوْ دِيْنَ، وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ، فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الشُّتُّمُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ ثُوْصُونَ بِهَا أَوْ دِيْنٍ﴾

³⁸ Tirmidzī, Muhammad bin Isa Abū Isa Al- (t.t.), *Sunan Al-Tirmidzī*, j. 4. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 612.

³⁹ Prof. Dr, Haji Abdullah Siddik (1980), op.cit., h. 299

Ertinya: “Dan bagimu (suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu.”

surah al-Nisā’(4): 12

Tegasnya, kekayaan suami maupun isteri terpisah satu sama lain. Suami memiliki harta yang diusahakan olehnya, begitu juga isteri memiliki harta yang diusahakan olehnya.⁴⁰

Perkara ini juga disedari oleh para hakim yang arif setiap kali memutuskan kes-kes berkaitan dengan harta sepencarian suami isteri, di antaranya adalah ketika menimbangkan besar-kecilnya bahagian masing-masing pihak ke atas harta yang dimiliki bersama suami isteri selama dalam ikatan perkahwinan. Begitu juga ketika membahaskan berapa besarkah nilai sumbangan tidak langsung --atau lebih dikenal di Singapura sebagai sumbangan bukan kewangan-- pasangan terhadap perolehan harta mereka berdua. Tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan bukan kewangan adalah sangat subjektif dan tidak dapat dikira dan dinilai dalam bentuk wang ringgit.

⁴⁰ Ayat ini memberikan penjelasan bahawa suami isteri mempunyai harta tersendiri yang perlu dibahagikan kepada ahli warisnya selepas kematian masing-masing. Dan suami isteri adalah di antara ahli waris yang berhak mendapatkan bahagian masing-masing dari harta pasangannya. Walau demikian, di dalam adat Indonesia umpamanya, harta suami isteri menjadi milik bersama sejak perkahwinan dijalankan kecuali ada perjanjian yang membatalkan pemahaman ini dan menolaknya. Hal ini diungkapkan oleh Nani Suwondo SH dalam bukunya: “Kedudukan Wanita Islam dalam Hukum dan masyarakat”. Berikut kutipannya: “Sejak perkahwinan dilangsungkan, harta benda kedua mempelai menjadi milik bersama, kecuali jika dalam perjanjian kahwin orang menyimpang dari peraturan itu. Selama perkahwinan orang tidak dapat mengadakan perubahan dalam keadaan milik bersama itu. Harta benda milik bersama itu terdiri dari segala benda yang diperoleh sebelum dan selama perkahwinan”.

2.3.1 Perkembangan Penafsiran Sumbangan Tidak Langsung

Pada peringkat awalnya, harta sepencarian lebih banyak tertumpu kepada harta yang dimiliki oleh suami isteri selama perkahwinan dan harta tersebut diperolehi oleh usaha bersama suami isteri atau kedua pihak menyumbang secara langsung terhadap harta yang diperolehi oleh pasangannya sama ada dari segi kewangan atau pengurusan bersama. Dalam kes *Robert lawan Umi Kalthom*,⁴¹ Robert dan isterinya telah membeli sebuah rumah dengan harga \$50,000. Robert membayar \$40,000 dan Umi Kalthom membayar \$10,000. Dalam penghakimannya, Mahkamah memberikan tumpuan bahawa apabila dibuktikan harta telah diperoleh setelah perkahwinan dilangsungkan dengan usaha atau sumbangan bersama, suatu anggapan wujud yang ia adalah harta sepencarian. Anggapan ini boleh dipatahkan jika salah satu pihak mampu membuktikan harta tersebut dihasilkan dari usaha salah satu pasangan sahaja.⁴²

Oleh yang demikian, tidak menghairankan bahawa dalam kes *Wan Mahatan lwn Hj. Abdul Samad*,⁴³ kadi yang mengendalikan kes tersebut telah memutuskan bahawa seorang isteri yang hanya mengurus rumah tangga sedangkan suaminya seorang yang makan gaji, maka harta yang diperolehi oleh suami selama perkahwinan tidak masuk harta perkongsian (harta sepencarian) tetapi adalah layak kepunyaan suami sahaja. Tetapi E.N. Taylor mengakui bahawa sumbangan tidak langsung

⁴¹ {1966} 1 *MLJ* 163.

⁴² Mimi Kamariah Majid (1992), op.cit., h. 190-191.

⁴³ E.N. Taylor (1937), *Malay Family Law*. Malaysia: Journal of the Royal Asiatic Society, Malayan Branch, pt. 1 h. 41.

pasangan berpengaruh dalam pembahagian harta sepencarian walaupun ianya tidak sebesar sumbangan langsung.⁴⁴

Dalam kajian hukum adat di Indonesia, DR. Soerjono Soekanto SH. MA. membahagikan harta keluarga kepada 4 bahagian.⁴⁵ Daripada ke empat-empat bahagian tersebut, hanyalah satu jenis harta keluarga yang dikategorikan sebagai harta sepencarian iaitu; harta kekayaan sebagai usaha bersama antara suami isteri.⁴⁶ Sebab utama daripada dikeluarkannya ketiga-tiga bahagian yang lain adalah ketiadaan sumbangan dan peranan salah satu pasangan terhadap harta yang dimiliki oleh pasangannya.

2.3.2 Beberapa Bentuk Sumbangan Tidak Langsung

Menarik untuk diungkapkan bahawa sumbangan dan kerja yang dilakukan oleh salah satu pasangan terhadap harta yang dimiliki oleh pasangannya mengalami perluasan makna dan pemahamannya. Sumbangan bukan terhad kepada sumbangan kewangan dan kerja secara langsung sahaja, tetapi segala bentuk kerja dan sumbangan yang dilakukan oleh pasangan terhadap keluarga termasuk dalam sumbangan yang perlu diambilkira. Pengertian bekerja sudah menjadi sangat luas.

⁴⁴ Dalam kes *Re Elang, Re Kulup Dengor dan Lebar lwn Niat*, Hakim E.N. Taylor berkata: "Di kampung-kampung di Sungai Perak, harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan adalah dibahagikan antara pihak-pihak semasa perceraian atau ketika kematian mana-mana pihak. Jika perempuan turut serta bercucuk tanam dia boleh menerima 1/2 dari harta dan jika tidak ia menerima bahagian yang lebih kecil. Lihat, Md. Akhir Hj. Yaacob, DR. Siti Zalikhah Md. Noor (1989), op.cit., h. 73.

⁴⁵ Ketiga jenis harta keluarga yang terkeluar daripada harta sepencarian adalah: 1. Harta kekayaan suami atau isteri yang merupakan warisan atau hibah dari para kerabat. 2. Harta kekayaan yang berasal dari usaha suami ataupun isteri yang diperoleh sebelum atau selama perkahwinan berlangsung. 3. Harta kekayaan yang berasal dari hadiah pada waktu perkahwinan. Keterangan lanjut, lihat DR.soerjono Soekanto SH.MA. (1989), op.cit., h.269-275.

⁴⁶ DR.soerjono Soekanto SH.MA. (1989), op.cit., h. 273-274.

Sumbangan bentuk moral dan kerohanian juga dimasukkan dalam sumbangan yang boleh diambil kira dalam menentukan harta sepencarian. Seorang isteri yang menjalankan tugas sebagai suri rumah dianggap bekerja dan menyumbang terhadap harta suaminya kerana telah menjaga dan membesarakan anak-anak. Dianggap bekerja kerana telah menjaga, membersih dan mengurus rumah suaminya. Dianggap bekerja kerana telah melayan makan-minum, menemani suami, menjaga kebajikan dan melayan batin suaminya. Dianggap bekerja dan menyumbang kerana telah memberikan kedamaian dan ketenteraman dalam jiwa suami dan anak-anak.⁴⁷

Faktor-faktor ini semua telah menjadi sebatи dalam pembahasan harta sepencarian suami isteri. Sehingga akhirnya disimpulkan bahawa semua harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama oleh suami isteri adalah telah menjadi harta sepencarian, kerana walau apapun, sumbangan pasangan pasti ada dalam harta yang dimiliki oleh pasangannya. Ringkas kata bahawa harta suami milik isteri dan harta isteri juga menjadi milik suami.

Perluasan makna dan sumbangan pasangan yang diambil kira dalam menentukan harta sepencarian dapat difahami daripada alasan penghakiman yang dibuat oleh Kadi Besar di Pulau Pinang dalam kes *Noorbee lwn Ahmad Shanusi*.⁴⁸ Beliau berpendapat: "Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumahtangga, suami keluar mencari nafkah. Isteri menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumahtangga, jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah

⁴⁷ Surojo Wigdjadipuro S.H (1971), op.cit., h. 205-206.

⁴⁸ {1978} 1 JH 63.

hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada kerja yang mengurangkan tanggungan suami."

Penafsiran ini juga selaras dengan apa yang diputuskan oleh Mahkamah Agung Indonesia pada 7 November 1956 yang memutuskan bahawa semua harta yang diperolehi selama berlangsungnya perkahwinan termasuk harta sepencarian, meskipun mungkin hasil kegiatan suami sahaja atau sebaliknya.⁴⁹ Pada akhirnya sumbangan tidak langsung ditakrifkan sebagai segala bentuk sumbangan bukan kewangan yang secara tidak langsung memberikan kesan positif terhadap perolehan harta atau bertambahnya nilai sesebuah aset harta.

Di Singapura, jenis sumbangan ini biasa disebut dengan sumbangan bukan kewangan.⁵⁰ Sumbangan jenis ini adalah sangat subjektif dan sangat sulit untuk dinilai, memandangkan ianya bukanlah dalam bentuk wang atau benda yang nampak dan boleh dikira, tetapi lebih kepada jasa dan perkara maknawi yang disumbangkan oleh isteri terhadap harta yang dimiliki oleh suaminya atau sebaliknya.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) Malaysia 1984 mentafsirkan sumbangan tidak langsung sebagai kebijakan yang

⁴⁹ DR.soerjono Soekanto SH.MA. (1989), *op.cit.*, h. 275. Bahkan dalam keputusan lebih awal, Mahkamah Agung Indonesia pada 7 maret 1956 nombor 393 K /Sip/1958 menyebutkan bahawa termasuk harta sepencarian adalah harta yang diperoleh oleh salah satu pasangan daripada warisan. Berikut kutipannya: "Bagian dari gono gini (harta sepencarian) yang merupakan barang warisan adalah sama antara suami dan isteri."

⁵⁰ *Rosnah bte Sanjar lwn Zakarian bin Mahmud*, LRS No. 17/2003. Dalam mengambil keputusan pembahagian harta sepencarian suami isteri majlis Hakim telah menyebutkan sumbangan tidak langsung dengan sebutan sumbangan bukan kewangan. Berikut petikannya: "The non-monetary contributions made by the appellant (wife) toward the well-being of the respondent during the course of their marriage". Kes *Sanimah bte Sudin lawan Mohd Kamal bin Mohd Haniba*, LRS No. 27/1993. Dalam kes tersebut dinyatakan sebagai berikut: "the Appellant claims that the flat is part of harta sepencarian acquired by the joint-efforts of joint resources of the Appellant in the course of the marriage by the Appellant providing non-monetary contributions by taking care of the Respondent and the children."

disumbangkan kepada keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga, dan keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa. Dalam kes *Tengku Anun Zaharah lwn. Dato Dr Hussein*⁵¹ Pihak Mahkamah Selangor mendapati bahawa harta-harta itu telah diperolehi atas daya usaha dan kebijaksanaan pihak suami sahaja, dan bahawa pihak isteri tidak memberi apa-apa sumbangan yang berupa wang atau tenaga, tetapi mahkamah memutuskan bahawa pihak isteri telah memberi sumbangan secara “moral” kerana pihak suami juga telah dapat meningkatkan perniagaannya dengan cepat hasil daripada kepercayaan orang ramai yang sebahagian berpunca daripada kedudukan taraf isteri yang merupakan ahli keluarga diraja.⁵²

Dalam AMLA (1999)⁵³ telah dijelaskan secara terperinci perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh para hakim ketika mengambil keputusan berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian kepada suami isteri. Di antara perkara tersebut adalah sumbangan bukan kewangan masing-masing pasangan terhadap harta yang diperolehi oleh kedua belah pihak selama usia perkahwinan mereka.

Dalam seksyen (52) butir (8) dijelaskan secara terperinci bentuk-bentuk sumbangan tidak langsung pasangan terhadap harta sepencarian yang dimiliki bersama oleh suami isteri atau yang dimiliki oleh salah satu pasangan. Bentuk-bentuk sumbangan tidak langsung tersebut di antaranya adalah, penjagaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan keluarga, termasuk menjaga kebajikan rumah, atau mengambil berat anggota keluarga atau orang yang telah berumur, atau saudara mara yang lemah atau uzur disebabkan tua atau sakit, atau orang yang bergantung kehidupannya

⁵¹ (1980) 3 JH 125

⁵² Nik Noraini Nik Badli Shah (1998), *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 148.

⁵³ AMLA seksyen 52 (8).

kepada salah satu pasangan suami isteri. Jadi, segala bentuk usaha, tenaga dan fikiran yang diberikan oleh pasangan suami isteri terhadap kebajikan dan penjagaan keluarga diambil kira dan dianggap sebagai sumbangan tidak langsung pasangan terhadap harta sepencarian.⁵⁴

Dalam kes-kes di Mahkamah Syariah ataupun di Lembaga Rayuan, didapati bahawa sumbangan tidak langsung dijadikan salah satu faktor penting dalam kadar peratusan harta sepencarian yang diperoleh oleh salah satu pasangan ketika berlaku perceraian. Dalam salah satu penghakimannya⁵⁵ Presiden Kanan Mahkamah Syariah mendapati bahawa Lembaga Rayuan memberikan pada kebiasaannya antara 25%-50% bahagian terhadap sumbangan bukan kewangan yang diberikan oleh masing-masing pasangan terhadap harta sepencarian⁵⁶. Hal ini menunjukkan bahawa sumbangan bukan kewangan suami isteri diberikan pengiktirafan yang besar oleh Mahkamah. Ianya ikut menentukan besar-kecilnya bahagian yang diperoleh oleh masing-masing pasangan terhadap harta sepencarian yang mereka miliki.

2.3.2(a) Penjagaan dan Pengurusan Rumah

Di antara jenis sumbangan bukan kewangan yang dianggap memberikan peranan penting dalam menentukan kadar yang berhak didapat oleh kedua belah

⁵⁴ AMLA seksyen 52 (8) (d).

⁵⁵ No. 1712 MS.

⁵⁶ *Zaiton bte Hashim lawan Saleh bin Abdul Ghaffar*, LRS No. 24/1998. Dalam kes ini pihak isteri menyumbang 42% dari segi kewangan terhadap harta sepencarian, dan Lembaga Rayuan memberikannya 70%. *Waheeda bte Han lawan Md Firdaus Lee*, LRS No. 42/1997. Dalam kes ini, isteri memberikan sumbangan kewangan sebanyak 40% dan Lembaga Rayuan memberinya 70% bahagian daripada harta sepencarian. *Zulkifle bin Bakar lawan Siti Rohani bte Jaafar*, LRS No. 57/1996. Dalam kes ini, Isteri memberikan sumbangan kewangan sebanyak 40%, dan Lembaga Rayuan memberi 70% bahagian daripada harta sepencarian. *Ahmad bin Ali lawan Khadijah bte Othman*, LRS No.55/1996. Dalam kes ini, pihak isteri tidak memberikan apa-apa sumbangan kewangan, tetapi Lembaga Rayuan memberi 30% kepadanya. *Zainab bte Mohsin lawan Md Noor bin Samsuri*, LRS No. 12/1996. Dalam kes ini, pihak isteri hanya memberikan sedikit sumbangan kewangan, dan Lembaga Rayuan memberi 40% bahagian kepadanya.

pihak dalam harta sepencarian adalah sumbangan pengurusan dan penjagaan rumah yang ditempati oleh pasangan suami isteri selama dalam ikatan perkahwinan. Sumbangan ini meliputi sumbangan tenaga yang berupa mengurus dan menjaga rumah tersebut. Rumah yang terurus dengan rapi, atau rumah yang terjaga daripada kekotoran dan kerosakan akan menaikkan nilai rumah tersebut, atau paling tidak akan mengekalkan nilai rumah tersebut walaupun telah ditempati oleh pasangan suami isteri dan keluarganya bertahun atau berpuluhan tahun.

Dalam kes *Fadzil lawan Aernie*,⁵⁷ nampak bahawa Presiden Mahkamah memberikan pertimbangan yang sewajarnya ke atas sumbangan isteri terhadap pengurusan rumah dan penjagaannya sepanjang perkahwinan mereka hingga tarikh perceraian. Dalam kes ini, pihak isteri tidak menyumbang dari segi kewangan terhadap pembelian rumah tersebut. Yang berlaku adalah bahawa rumah tersebut telah dibeli oleh pihak suami sebelum perkahwinan mereka berdua. Tetapi Mahkamah menganggap bahawa walaupun harta tersebut dimiliki oleh suami sebelum perkahwinan, tetapi ianya telah berkembang dan bertambah nilainya selama perkahwinan dengan pengurusan dan penjagaan yang baik daripada pihak isteri.

Sumbangan ini juga diiktiraf oleh AMLA sebagai harta sepencarian yang sepatutnya dibahagikan kepada kedua belah pihak, walaupun ianya dimiliki oleh salah satu pasangan sebelum perkahwinan dengan syarat bahawa harta tersebut telah meningkat nilainya secara nyata ketika perkahwinan. Inilah yang dilakukan oleh Presiden Mahkamah ketika memberikan isteri bahagian tertentu⁵⁸ sebagai

⁵⁷ Abdul Fadzil bin Abdul Kadir lawan Aernie binte Sulaiman, MS No. 25809.

⁵⁸ Isteri mendapat bahagian 25%

pengiktirafan Mahkamah terhadap sumbangan tenaga isteri selama masa perkahwinan mereka berdua.⁵⁹

2.3.2(b) Sokongan Moral dan Menjaga Kebajikan Suami

Jenis lain sumbangan bukan kewangan suami isteri yang diiktiraf oleh AMLA adalah segala sokongan dan bantuan moral yang diberikan oleh salah satu pasangan terhadap pasangannya. Sumbangan ini tidak dapat dinafikan wujud dan kesannya. Dengan sokongan moral dan ketenangan yang diberikan oleh salah satu pasangan suami isteri, telah secara tidak langsung menyumbang terhadap kejayaan kerjayanya. Dengan sumbangan dan sokongan tersebut pihak suami misalnya, dapat bekerja dengan lebih tenang dan fokus tanpa perlu disibukkan dengan urusan rumah tangga dan keperluan anak-anak, kerana pihak isteri telah menguruskan perkara tersebut dengan jayanya. Sokongan jenis ini seakan tidak nampak tetapi ianya memberikan sumbangan yang besar dalam kejayaan kerjaya dan perniagaan seseorang. Bukan hanya setakat sokongan dan bantuan moral yang dapat disumbangkan, mungkin juga ide dan huraian penyelesaian masalah telah disumbangkannya selama masa perkahwinan mereka berdua.⁶⁰

Di antara sumbangan tidak langsung yang seringkali dijadikan salah satu sebab penentu terhadap pembahagian harta sepencarian suami isteri oleh Mahkamah

⁵⁹ Rujuk juga kes *Daud Jaafar lwn Rohani Binte Mohamad*, No. 15770. Dalam kes tersebut Mahkamah juga mengiktiraf sumbangan tenaga isteri terhadap penjagaan rumah tersebut, apalagi suami selalu keluar negeri. Berikut tukilan hujah Presiden : “Selain itu suami harus mengambil kira bahawa selama suami bekerja di luar negeri, atau dalam negeri, rumah ini dijaga oleh isteri. Tambahan pula nama pemiliknya ialah suami isteri, tidak dikira sama ada siapakah yang menyumbang lebih dari segi kewangan, tetapi secara lahirnya rumah ini dikongsi bersama, dan secara prinsipnya setiap pemilik memiliki 50% saham atas rumah ini”. Di tempat lain Presiden berkata: “Tentang sumbangan cash yang didakwa oleh isteri, walaupun bukti tidak dikemukakan, tetapi ia tidak boleh dinapikan kewujudannya, di mana di sana ada usaha dan kerja-kerja isteri untuk maslahat rumah ini”.

⁶⁰ *Daud Jaafar lwn Rohani Binte Mohamad*, MS No. 15770.

adalah segala usaha dan penat lelah isteri dalam menjaga kebajikan suami selama perkahwinan. Hal ini dapat dilihat daripada kes Lembaga Rayuan antara *Asmah Bee lwn Selamat*.⁶¹ Dalam kes tersebut didapati bahawasanya pihak isteri tidak menyumbang dari segi kewangan dalam pembelian rumah yang dimiliki bersama oleh suami isteri. Sumbangan kewangan yang meliputi wang pendahuluan dan bayaran bulanan dibayar sepenuhnya oleh pihak suami. Dalam keputusannya Lembaga Rayuan menjadikan sumbangan tidak langsung isteri sebagai salah satu sebab pihak isteri mendapat 50% bahagian daripada ‘rumah sepencarian’ yang dimiliki bersama oleh suami isteri.

Dalam kes lain di Lembaga Rayuan antara *Rosna lwn Zakaria*,⁶² Mahkamah juga memberikan isteri hak 50% daripada bahagian suami daripada rumah yang pernah dimilikinya bersama ibunya sebagai penghargaan terhadap sumbangan bukan kewangan isteri terhadap harta sepencarian yang berupa menjaga hal ehwal kebajikan suami sepanjang perkahwinan.

2.3.2(c) Isteri Yang Bertanggungjawab

Menjadi isteri yang baik dan bertanggungjawab juga termasuk dalam sumbangan tidak langsung isteri terhadap perkahwinan dan sekaligus terhadap harta sepencarian yang perolehi oleh pasangan suami isteri selama tempoh perkahwinan.

Rasulullah saw. pernah menegaskan bahawa Setiap kamu adalah pemimpin dan akan ditanya akan kepimpinannya. Suami adalah pemimpin dan akan ditanya

⁶¹ *Asmah Bee Bte Mohd Din lawan Selamat Din Sakawi*, LRS No. 11/1995.

⁶² *Rosna Bte Sanjar lawan Zakaria Bin Mahmud*, LRS No. 17/2003.

akan kepimpinannya, Isteri adalah ratu dalam rumah tangga suaminya dan akan ditanya akan kepimpinannya dalam rumah suaminya.

Dalam sebuah Hadithnya Rasulullah saw. bersabda:

"رَوِيَ أَبْنَعُ عَمْرٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمْرِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالمرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدُهُ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ . رَوَاهُ مُسْلِمٌ"

Ertinya: "Setiap seorang daripada kamu adalah pemimpin dan akan ditanya akan apa yang dipimpinnya. Raja kepada orang ramai adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas kepimpinannya. Lelaki adalah pemimpin ke atas keluarganya dan bertanggungjawab ke atas kepimpinannya. Wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anaknya, dan dia bertanggungjawab. Hamba adalah pemimpin ke atas harta tuannya, dan bertanggungjawab ke atas pimpinannya. Setiap seorang daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas pimpinannya".⁶³

Kepimpinan yang baik daripada seorang isteri dalam rumah suaminya seperti, menjadi isteri yang salehah, menjaga harta suami, menjaga marwah diri dan suaminya selama ketiadaan suaminya, atau menjaga dan mendidik anak-anak dengan baik dan bertanggungjawab, semua tanggungjawab ini jika dilakukan dengan cara yang terbaik akan memberikan ketenangan dan ketentraman dalam hati seorang lelaki. Ketenangan tersebut memberikannya kekuatan dan motivasi yang lebih untuk bekerja dan memberi nafkah ke atas keluarganya. Maka emosinya semakin stabil, kehidupannya semakin mantap dan sudah pasti jika dia memiliki harta yang melimpah, maka

⁶³ Muslim bin al-Hajjāj Abu al-Husayn al-Qusyayrī (t.t.), *Shahīh Muslim*, j .3. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, h. 1459.

sebahagian penyebabnya adalah isteri yang baik yang salehah yang menjalankan tugasnya sebagai isteri dengan baik.

Dalam kes antara *Lena lawan Zaini*,⁶⁴ Lembaga Rayuan menjadikan sifat tanggungjawab isteri selama perkahwinan sebagai salah satu alasan isteri diberi habuan sejumlah wang sebagai pengiktirafan sumbangannya terhadap perkahwinan. Dalam kes tersebut pihak suami membantah adanya sumbangan tidak langsung pihak isteri dikeranakan bahawa pihak suami telah menyediakan isteri dengan pembantu rumah yang boleh membantu dan melaksanakan semua kerja-kerja berkaitan dengan rumah tangga, menjaga kebajikan suami dan keperluan anak-anak.

Pihak Mahkamah tidak menafikan bahawa kewujudan pembantu rumah boleh meringankan bebanan kerja-kerja rumah tangga, tetapi perkara ini tidak dapat menafikan kewujudan dan sumbangan isteri terhadap keluarga, terutama sekali berkaitan dengan tugas isteri sebagai ibu rumah tangga. Isteri yang baik dan bertanggungjawab pastinya telah memberikan sumbangan moral kepada suami dalam kehidupannya, memberikan ketenangan dan ketentraman dalam dirinya, sehingga suami dapat bekerja dengan selesa dan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kerjayanya, sedangkan urusan rumah dan anak-anak diberikan sepenuhnya kepada pihak isteri.⁶⁵

⁶⁴ *Heng Kock Kim Lena @ Lena Bte Abdullah lawan Mohd Zaini Bin Salleh*, LRS No. 21/1998.

⁶⁵ Lihat juga *Sabaria bte Dasuki lawan Syed Haron shah bin S. Makbol Shah*, LRS No. 01/1999. Dalam kes tersebut Mahkamah mengambil kira perilaku baik isteri dan tanggungjawab yang dijalankan selama perkahwinan sebagai salah satu faktor penentu dalam pembahagian harta sepencarian. Dalam keterangannya Mahkamah menyatakan : “we are aware that the parties had been married for over 21 years and during those years the appellant had been a good wife by taking far of the respond as well as the four children.”

Dalam kes tersebut⁶⁶ dapat dilihat bahawa Lembaga Rayuan juga menjadikan pengurusan, penjagaan dan pemenuhan keperluan anak-anak sebagai salah satu sumbangan tidak langsung isteri yang menentukan banyaknya peratusan bahagian harta sepencarian yang diberikan kepada isteri.⁶⁷

2.3.2(d) Penggunaan Nama Pasangan dalam Pembelian Hartanah

Mahkamah Syariah juga menjadikan penggunaan nama dalam pembelian rumah HDB sebagai bentuk sumbangan bukan kewangan pasangan terhadap harta yang dimiliki bersama suami isteri.⁶⁸ Dalam undang-undang HDB, seseorang tidak boleh memiliki rumah secara bersendirian kecuali dalam keadaan tertentu yang dikecualikan oleh pihak HDB. Di antaranya orang tersebut mesti berumur 35 tahun atau lebih.⁶⁹ Rumah HDB mesti dibeli atas dua nama yang terdiri daripada keluarga (*family nucleus*).⁷⁰ Ertinya bahawa seseorang tidak dapat membeli rumah HDB walaupun mempunyai wang yang mencukupi kecuali jika menggunakan nama

⁶⁶ *Heng Kock Kim Lena @ Lena Bte Abdullah lawan Mohd Zaini Bin Salleh*, LRS No. 21/1998.

⁶⁷ *Ibid.* h. 20. Lembaga Rayuan menyatakan : "The wife's non-monetary contributions from the date of the marriage on 1 May 1982 which lasted for a period of 16 years, would increase the wife's share to the matrimonial asset substantially."

⁶⁸ *Aminah bte Abdullah lawan Abdullah bin Ismail*, MS No. 14446.

⁶⁹ Dalam lelamannya HDB menyatakan: " **Single Singapore Citizen Scheme (SSC)**. Single citizens who have reached the age of 35 can buy a resale HDB flat under the Single Singapore Citizen Scheme (SSC). There is no restriction by flat type or location. Below are the eligibility conditions for purchase of resale flats under the SSC Scheme. **Citizenship:** You must be a Singapore Citizen. **Age:** You must be at least 35 years of age (based on date of birth) at the point of submission of your resale flat application. This age criterion applies to both unmarried singles and divorcees. As for widowed persons and orphans, the age criterion is at least 21. For an orphan buying a resale flat on his or her own, he or she must not have another sibling below the age of 35 buying a flat separately under the Orphans Scheme, SSC or Joint Singles Scheme. Lihat, [http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10201p.nsf/WPDis/Buying%20A%20Resale%20FlatEligibility%20Scheme%20-%20Single%20Singapore%20Citizen%20Scheme%20\(SSC\)?OpenDocument&SubMenu=Eligibility_Schemes](http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10201p.nsf/WPDis/Buying%20A%20Resale%20FlatEligibility%20Scheme%20-%20Single%20Singapore%20Citizen%20Scheme%20(SSC)?OpenDocument&SubMenu=Eligibility_Schemes), 21/10/2007.

⁷⁰ Dalam lelamannya HDB menyatakan : " **Public Scheme (PA)**. The Public Scheme allows a buyer with a family nucleus to buy an HDB flat from the open market. If you wish to buy a resale flat under the Public Scheme, you must meet the following eligibility conditions: **Citizenship:** You must: be a Singapore Citizen (SC) or Singapore Permanent Resident (SPR). Include at least one listed occupier who is a SC or SPR. **Age:** You must be at least 21. **Family Nucleus:** You must form a family nucleus, such as: Your spouse and children, if any; or your parents and siblings; or your children under your legal custody, care and control (for widowed, divorced or separated persons)." Lihat: <http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10296p.nsf/WPDis/OthersPolicies?OpenDocument>, 22/10/2007.

pasangan dan keluarga terdekatnya dalam pembelian ini. Dari sini nampak jelas peranan penggunaan nama dalam pemilikan seseorang ke atas rumah HDB.⁷¹

Dalam kes *Aminah lawan Abdullah*,⁷² rumah yang ditempati pasangan ini sebelum bercerai dibeli dengan menggunakan wang isteri hasil daripada penjualan rumah yang dimilikinya sebelum berkahwin dengan suami yang sekarang. Namun rumah tersebut didaftar atas nama kedua suami isteri. Pembelian rumah tersebut sepenuhnya telah dibayar oleh pihak isteri. Dalam keputusannya, Yang Arif Presiden Mahkamah Syariah memutuskan untuk memberikan wang pampasan \$5000/- kepada suami sebagai saguhati daripada perceraian yang bukan disebabkan oleh pihak suami, dan kerana suami telah memotong namanya daripada pemilikan rumah isterinya.

Dalam kes *Norhayati lawan Yusof*,⁷³ Mahkamah menjadikan pemilikan bersama (*joint tenancy*) sebagai salah satu faktor yang diambil kira dalam menentukan besar kecilnya bahagian yang diperoleh oleh setiap pasangan daripada harta sepencarian suami isteri. Yang Arif Presiden mengatakan : "Pihak suami tidak akan dapat memiliki rumah tersebut secara bersendirian tanpa nama isteri. Undang-undang HDB dalam pemilikan rumah adalah jelas. Hanya pemohon yang dapat membentuk *family nucleus* sahaja yang dibenarkan memiliki rumah".

Daripada pembentangan di atas dapat diambil beberapa rumusan ringkas berkaitan dengan tafsiran harta sepencarian di Mahkamah Syariah:

⁷¹ Dalam hujahnya Yang Arif Presiden mengutip kenyataan HDB untuk menguatkan hujahnya bahawa tanpa nama pasangannya, pihak isteri tidak akan dapat memiliki rumah tersebut. Berikut petikannya: "*we wish to infirm you that under current policy, Mdm Aminah will not be allowed to retain the flat alone after the divorce unless she includes another person under an acceptable eligibility scheme.*"

⁷² *Aminah bte Abdullah lawan Abdullah bin Ismail*, MS No. 14446.

⁷³ *Norhayati binte Mohamed Yusof lawan Yusof bin Musta*, MS No. 12936.

Pertama: Harta sepencarian adalah semua harta benda yang dimiliki bersama atau dimiliki oleh salah satu pasangan semasa dalam ikatan perkahwinan. Walau bagaimanapun, harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri sebelum perkahwinan dikecualikan daripada harta sepencarian kecuali jika harta tersebut mengalami peningkatan dan penambahan nilai selama berlangsungnya perkahwinan.

Kedua: Para Hakim di Mahkamah Syariah membahagikan sumbangan ke atas harta sepencarian kepada dua jenis. Iaitu sumbangan kewangan dan sumbangan bukan kewangan. Sumbangan kewangan biasanya melibatkan pembayaran pembelian rumah HDB yang merangkumi; wang pendahuluan, ansuran bulanan atau ubahsuai rumah HDB. Sumbangan kewangan juga boleh berupa wang belanja harian yang dibelanjakan oleh salah satu pasangan untuk keperluan harian keluarga . Sedangkan sumbangan bukan kewangan berbentuk segala kerja dan usaha yang dilakukan oleh salah satu pasangan utamanya pihak isteri dalam menjaga, memelihara, mengambil berat dan pengurus keperluan suami dan anak-anak. Sumbangan moral dengan memberikan ketenangan dan kestabilan rohani juga digolongkan dalam sumbangan bukan kewangan.

Ketiga: Mahkamah Syariah sangat berhati-hati dalam memutuskan kes-kes yang melibatkan tuntutan harta sepencarian dan ianya adalah kes yang sulit dihuraikan. Di antara sebabnya adalah kesulitan dalam menilai sumbangan masing-masing pasangan terhadap harta yang dimiliki selama dalam ikatan perkahwinan. Belum lagi melihat kebijakan masing-masing pasangan selepas perceraian dan masa depan anak-anak yang dihasilkan daripada perkahwinan mereka.